



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI**

**Tarikh Dibaca:**

**28 SYAWAL 1444H/**

**19 MEI 2023M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**GURU INSANI PEMANGKIN GENERASI MADANI**  
**19 MEI 2023 / 28 SYAWAL 1444H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

أَمَّنْ هُوَ قَنْتٌ عَانَاءُ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي

الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Bersempena Hari Guru yang disambut pada setiap 16 Mei, khutbah pada hari ini bertajuk:

**“Guru Insani Pemangkin Generasi Madani”.**

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sesungguhnya Islam sangat mementingkan ilmu pengetahuan. Bahkan Allah SWT mengiktiraf kedudukan orang yang berilmu, sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:

*“Allah meninggikan kedudukan orang yang beriman antara kamu, dan juga orang yang diberi ilmu pengetahuan (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan”.*

Ayat tersebut jelas menunjukkan Allah SWT mengangkat tinggi nilai-nilai keilmuan dan yang berkaitan dengannya, termasuklah orang yang menyampaikan ilmu dan penuntut ilmu. Hal ini menunjukkan martabat guru sangat tinggi dan mulia selaras dengan ketinggian ilmu itu sendiri.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Guru berperanan sebagai duta rahmah yang sentiasa kreatif dan inovatif untuk mendepani gelombang transformasi Pendidikan. Mereka bertanggungjawab melahirkan generasi muda yang patriotik, berilmu dan memiliki jati diri yang kukuh untuk mendepani kehidupan di dunia dan menggapai kebahagiaan di akhirat. Guru juga berperanan menyediakan pengajaran yang bermakna, membimbing dan mentarbiyah anak bangsa sehingga mencapai *maqasid* pendidikan dan *karamah insaniyah* dengan melalui pembudayaan ilmu.

Dari Abu Umamah al-Bahili, Rasulullah SAW bersabda:

*“Sesungguhnya Allah dan malaikat dan seluruh penduduk langit dan bumi sehinggakan semut di dalam lubang dan ikan di lautan turut mendoakan guru yang mengajar kebaikan kepada manusia”.* **(Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)**

Kerjaya sebagai seorang guru atau seumpamanya merupakan pekerjaan yang mulia. Mereka bukan sahaja berilmu dan menyampaikan ilmu, malah mereka juga adalah *muallim*, *mudarris*, *muaddib*, *murabbi* dan *mursyid* yang merujuk kepada peranan dan penglibatan guru terhadap usaha-usaha membentuk akhlak dan kecemerlangan para pelajar.

Sedarlah siapa pun kita pada hari ini, di mana pun kedudukan kita, sebahagian besarnya hasil daripada jasa dan pengorbanan guru. Justeru, wajarlah mereka dihargai bersesuaian dengan kedudukan dan kemuliaan guru yang telah diangkat dalam Islam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sesuai dengan nilai dan makna pendidikan, maka hari ini, peranan guru adalah sangat besar dan mencabar untuk melahirkan pelajar yang cemerlang ilmu dan adab. Untuk ini, guru perlu memberi komitmen yang terbaik sekaligus merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) dan sekaligus mewujudkan suasana “Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera” dan selaras Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Para guru turut berperanan mempamerkan *qudwah hasanah* (contoh teladan yang baik) kepada murid-murid. Setiap gerak-geri dan tindakan akan menjadi bualan dan ikutan kepada mereka bahkan akan diingat sampai bila-bila. Maka berusahalah untuk sentiasa menunjukkan contoh teladan yang baik kerana ia akan dibuahkan, diingat dan diikuti oleh anak-anak murid. Jika baik contoh teladannya, maka baiklah yang diikuti. Jika tidak, maka sebaliknya yang akan berlaku.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Adab dalam menuntut ilmu sangat dititikberatkan untuk mendapat keberkatan. Imam Malik *rahimahullah* pernah berkata pada seorang pemuda Quraisy:

تَعَلَّمِ الْأَدَبَ قَبْلَ أَنْ تُتَعَلَّمَ الْعِلْمَ

Maksudnya: “Pelajarilah adab sebelum mempelajari suatu ilmu”.

Para sahabat Nabi sangat memuliakan guru mereka. 'Urwah ibn Mas'ud menceritakan bagaimana para sahabat Nabi amat menghormati guru mereka iaitu Rasulullah SAW. Menurut beliau:

وَإِذَا تَكَلَّمَ خَفَضُوا أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَهُ، مَا يُحَدِّثُونَ إِلَيْهِ النَّظَرَ تَعْظِيمًا لَهُ

**Maksudnya:** “Para sahabat akan bercakap dengan suara yang rendah (sopan) ketika bertutur dengan Baginda SAW, serta tidak menajamkan pandangan mereka (merenung dengan tajam) kerana menghormati Rasulullah SAW”.

Imam al-Nawawi berkata dalam Kitab *al-Majmu'*: “Seorang murid hendaklah melihat gurunya dengan pandangan penghormatan. Hendaklah dia meyakini keahlian gurunya berbanding yang lain. Kerana perkara itu akan menjadikan seorang murid dapat mengambil banyak manfaat daripadanya, dan lebih dapat memberi kesan dalam hati terhadap apa yang didengari daripada guru tersebut”.

Justeru, jelaslah kepada kita bahawa adab ketika menuntut ilmu akan mewujudkan hubungan harmoni antara guru dan murid. Nilai ini sudah pastinya dapat melahirkan generasi pelajar yang beretika dan bersahsiah tinggi untuk mendepani keperluan semasa dan cabaran akan datang bagi melahirkan insan cemerlang.

Kita melihat bahawa nilai dan adab dalam masyarakat semakin lama semakin merudum. Kebimbangan juga menebal melihat kelakuan dan rendahnya adab dalam kalangan anak-anak generasi hari ini. Dewasa ini cabaran sebagai seorang pendidik bukan hanya berhadapan dengan karenah murid-murid di sekolah sahaja. Hilangnya hormat dan adab kepada seorang guru telah menjadi perkara biasa. Jika nilai hormat kepada guru kian pudar, kita bimbang hilangnya keberkatan dalam menuntut ilmu. Justeru sidang jemaah sekalian, marilah kita saling berganding bahu membantu guru untuk memastikan anak-anak kita memiliki adab dalam menuntut ilmu.

Daripada 'Ubadah bin as-Somit RA, Nabi SAW bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُجِلَّ كَبِيرَنَا وَيَعْرِفَ لِعَالِمِنَا

**Maksudnya:** “Bukanlah termasuk golongan kita orang yang tidak menyayangi yang muda, tidak menghormati yang tua, dan mengetahui keutamaan ulama kita”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, khatib menyeru kepada seluruh umat Islam supaya:

**Pertama:** Umat Islam hendaklah menyakini bahawa menuntut ilmu merupakan satu kewajipan ke atas setiap individu.

**Kedua:** Umat Islam hendaklah menyakini bahawa menghormati guru merupakan satu amalan yang mulia khususnya untuk memperoleh keberkatan dalam menuntut ilmu.

**Ketiga:** Umat Islam hendaklah memahami bahawa peranan melahirkan ABC (Anak yang Baik lagi Cerdik) merupakan tanggungjawab bersama.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ٦٩

**Maksudnya:** “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami. Sesungguhnya Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَنْدَرِيْهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.